

30 MAY 2003

NAM-Afrika/I

NAM AKAN BEKERJA RAPAT DENGAN KESATUAN AFRIKA MENGENAI PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) akan bekerja rapat dengan Kesatuan Afrika (AU) bagi melaksanakan sepenuhnya pelan pembangunan yang bermatlamat membawa pembangunan di Afrika.

Pengrusi biro penyelarasan NAM Datuk Rastam Mohd Isa berkata Rakan Perkongsian Baru bagi Pembangunan Afrika (NEPAD), yang diketuai dan diurus oleh kesatuan itu, mencerminkan usaha bersungguh-sungguh kerajaan-kerajaan dan rakyat di Afrika bagi menentukan sendiri masa depan mereka.

NEPAD yang dilancarkan pada 2001, menunjukkan bahawa negara-negara Afrika serius dalam melaksanakan tanggungjawab pembangunan, menangani kebuluran, kemiskinan dan penyakit dan untuk memastikan daya maju ekonomi dan pembangunan sosial di benua itu, katanya pada satu majlis bagi meraikan ulang tahun ke-40 Hari Afrika di New York pada Rabu.

"Usaha di Afrika dalam mengatasi konflik di benua itu dipuji oleh NAM dan usaha ini serta pembangunan sosial Afrika wajar terus disokong oleh komuniti antarabangsa, termasuk di kalangan negara anggota," kata Rastam yang juga Wajil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Beliau berkata beban yang semakin berat dalam pembayaran hutang, kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) dan bantuan pembangunan luar negeri (ODA) yang tidak mencukupi dan lembab selain kurangnya bantuan kemanusiaan ke Afrika, menjejaskan matlamat pembangunan jangka panjang benua terbabit.

"Dalam konteks ini, NAM yakin bahawa kita harus bersama-sama meneruskan usaha konkrit kita yang berterusan ke arah menangani masalah-masalah ini di peringkat antarabangsa," katanya.

Pada akhir mesyuarat di Nigeria di bawah naungan NEPAD, para pemimpin Afrika pada Khamis berkata mereka akan melobi bagi mendapatkan sokongan yang lebih besar daripada operasi keamanan serantau serta mendapatkan bantuan tambahan dan pembiayaan hutang apabila menghadiri sidang kemuncak Kumpulan Lapan (G8) di Perancis minggu depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan Pengerusi NAM juga dijemput menghadiri persidangan G8 itu yang berlangsung di Evian Ahad ini. Beliau berlepas malam ini.

-- BERNAMA  
AZZ AZZ LAT